

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

BOO 353/2 Tanah dan Pemakanan Tumbuhan

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 2.45 ptg - 4.45 ptg
(2 Jam)

Jawab EMPAT soalan.

Bahagian A adalah wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

.../2

(BOO 353/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Tuliskan nota pendek mengenai:-
 - (a) Peranan unsur-unsur mikro dalam pertumbuhan.
 - (b) Pemineralan nitrogen (N)

(20 markah)

2. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi menguruskan tanah-tanah asid sulfat dengan berkesan.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

- 3 Satu ujian untuk mengkaji hubungan antara beberapa ciri kimia tanah telah menghasilkan data berikut:-

...3/-

(BOO 353/2)

NO₃-N selepas tempoh penenggelaman tanah

<u>Tanah</u>	<u>pH</u>	<u>Karbon (Organik %)</u>	<u>0</u>	<u>Minggu 1</u>	<u>Minggu 2</u>	<u>Minggu 3</u>	<u>Minggu 4</u>
1	5.7	8.0	1220	810	310	122	12
2	6.0	4.0	600	9	3	0	0
3	4.6	2.8	310	192	84	19	2
4	7.6	1.5	160	1	0	0	0
5	7.0	1.8	107	0	0	0	0

Daripada nilai-nilai NO₃-N yang dibebaskan (bahagian per juta, ppm) di atas, apakah yang dapat anda rumuskan tentang keupayaan tanah-tanah untuk membekalkan bahan ini?

(30 markah)

4. Fosforus ialah satu unsur yang sukar dikaji ciri kimianya dalam tanah. Bincangkan sebab-sebabnya serta implekasinya dari segi pembajaan tanah dengan baja-baja fosfat yang senang larut.

(30 markah)

...4/-

(BOO 353/2)

5. Apakah kriteria ataupun pertimbangan yang harus dinilai bagi menentukan keperluan tumbuhan untuk sesuatu unsur? Bincangkan kedudukan unsur-unsur "sparing" dan hubungannya dengan pengurusan pembajaan.

(30 markah)

-ooo000ooo-